

PRODUCT DISCLOSURE SHEET



Dear Customer,

This Product Disclosure Sheet (PDS) provides you with key information on your *Industrial Hire Purchase-i*.

RHB ISLAMIC BANK BERHAD

200501003283(680329-V) Incorporated in Malaysia

Other customers have read this PDS and found it helpful; **you should read it too.**
It takes less than five minutes to read the PDS

Date :

1 What is Industrial Hire Purchase-i?

Industrial Hire Purchase-i ("the Facility") is a financing product that involves the hire of equipment/asset by the Hirer (you) from the Owner (Bank) which will be purchased by the Hirer at the expiry of the contract.

The Shariah concepts applicable to the Facility are:

Ijarah	Also known as leasing/ hiring. You will hire the equipment/asset from the Bank at an agreed monthly instalment over a specific period ("the Hire Term").
Wakalah	The Bank will appoint you as a Bank's agent for the purpose of maintenance of the equipment/asset during the Hire Term.
Bai'	On completion of the entire rental payment/early settlement, a Sales Contract will be executed to transfer the ownership of the equipment/asset from the Bank to you
Wa'd	Unilateral promise which refers to an expression of commitment given by one party to another to perform certain action(s) in the future.

2 Know Your Obligations?

For this financing:

- | | |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none">Facility AmountTenureMargin of FinancingRental/InstallmentProfit RateCalculation of Total RentalCollateral/Security | <ul style="list-style-type: none">(According to your Letter of Offer)Between 18 to 60 months.Up to 95.00% of cost (after deducting customer's deposits/down payment to supplier) or fair market value whichever is lower.(According to your Letter of Offer).The profit rate charged to customer is a flat rate throughout the financing tenure.Total Rental = Amount Financed + (Amount Financed X Profit Rate X Period)Asset financed by the Bank.Corporate/joint and several guarantees of the directors/shareholders of your company.Other forms of assets/security acceptable by the Bank |
| <ul style="list-style-type: none">Guarantor | <ul style="list-style-type: none">Your Guarantor is ideally the company's director/management team or key decision maker (at the Bank's discretion). |
| <ul style="list-style-type: none">Equipment/Asset Ownership | <ul style="list-style-type: none">You will own the equipment/asset at the expiry of the Facility through the purchase of equipment/asset according to the terms and conditions contained in the IHP-i Agreement. |

You also have to pay the following fees and charges:

- | | |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none">Stamp Duty (Standard¹ & Additional² document)Security DepositDeposit Paid to SupplierPrepaid Rent | <ul style="list-style-type: none">As per Stamp Act 1949 (revised 1989) (Act 378).Where applicable, the Bank shall request you to pay the Security Deposit which sum shall be retained by the Bank as security for the due observance and performance of the Facility.Earnest money payable to supplier as down-payment and consists of the amount not financed by the Bank.You shall pay the Prepaid Rent which sum shall be considered to be a rental payment paid in advance and retained by the Bank as further security for the due observance of the stipulations terms and conditions of this banking facility. |
|--|--|

For avoidance of doubt, you agree to bear all professional fees, taxes (including Services Tax (ST) and/or any applicable taxes that may be imposed by the relevant authorities at any time and from time to time throughout the subsistence of this product) and out-of-pocket expenses incurred and any other fees, expenses or recourse in respect of this product.

Note:

- Please request from your Relationship Manager for the Bank's Standard Tariff and Charges or retrieve it from RHB Group website at <http://www.rhbgroup.com>.
- For Small and Medium Enterprise (SME) customers : If there are any changes in fees and charges that are applicable to your financing facility, the Bank will provide to you at least twenty one (21) calendar days prior written notice before the effective date of the changes.
- ¹: Standard Documents refers to: Industrial Hire Purchase-i Agreement, Personal Guarantee, Joint & Several Guarantee, Corporate Guarantee and Novation Agreement.
- ²: Additional Documents refers to: Repurchase Agreement, Assignment of Purchase Agreement, Standing Instruction, Letter of Set-Off, Supplement Agreement, Variation Agreement, Deed of Assignment, Subordination of director loan/financing, Personal Guarantee, Joint & Several Guarantee, and Corporate Guarantee for the Facility with LC-i

It is your responsibility to:



Read and understand the **key terms** in the **contract** before you sign it.



Ensure timely payment of your financing upon maturity. Speak to us if you wish to settle your financing earlier.



Contact us immediately, if you are unable to settle the total financing amount due.

3 Know Your Risks

What if I fail to fulfil my obligations?

- The Bank shall have the right to impose compensation (ta'widh) as follows:
 - (i) If overdue amounts remain unpaid beyond the maturity date, the Bank may charge rate not exceeding the prevailing Bank Negara Malaysia's (BNM) Islamic Interbank Money Market (IIMM) rate on the total outstanding balance of the facility calculated on daily rest basis or any other method approved by BNM.
 - (ii) The amount of such compensation (ta'widh) will not be compounded and are payable before and after any court judgement.
- Right to set-off: The Bank is entitled to set-off any outstanding amount due in this financing account with any of your deposit accounts maintained with the Bank, by giving at least seven (7) calendar days' prior written *notice to you. *Note: *For SME customers*

What are the major risks inherent in this product?

- If you fail to settle a matured transaction, you will not be allowed to further utilize the facility and recovery processes including of legal action may be taken against you to recover the amount due. If you have problems meeting your financing obligations, contact us early to discuss payment alternatives.
- Legal action will be taken if you fail to respond to the reminder notices. You will have to bear all costs and be responsible to settle any shortfall after legal action has been taken against you.
- Legal action against you may affect your credit rating, leading to credit being more difficult or expensive for you.

4 Other Key Terms

What if I fully settle the financing before its maturity?

- Rebate (Ibra') = *Remaining Unearned Profit – Early Settlement Charges (if any).
*Remaining Unearned Profit is equal to unrealised profit at the time of full settlement.
The Bank must grant rebate (ibra') on any amount payable by the Customer in respect of any payment due under the Facility in a situation of early settlement/redemption, restructuring, termination or cancellation, occurrence of Event of Default. In the case of variable rate facility, where the Effective Profit Rate is lower than Ceiling Profit Rate.

Do I/we need any Takaful coverage?

- Yes. You will maintain such takaful as in respect of your assets and business against all risks from such takaful companies acceptable to the Bank.
- You must provide a copy of the renewed takaful policy with reinstatement clause to Bank not less than fourteen (14) calendar days before the expiry date of the takaful policy in respect of the second and all subsequent years which the equipment/asset still remains to be under hire purchase.

Note:

- In taking the above takaful protection, the Bank hereby advise you on the followings:
 - a) You are advised to obtain takaful protection for the above equipment/asset.
 - b) You may obtain conventional insurance to protect the equipment/asset only in the following circumstances:
 - i. Takaful protection is not offered or available for the equipment/asset;
 - ii. Your application for takaful protection is rejected by all takaful operator; or
 - iii. The cost of insurance protection is significantly more competitive compared to the cost of takaful protection.
- The above is important to ensure an end-to-end Shariah compliance of this product. However, the Bank shall not be deprived of its right to claim any amount due if you still opt for conventional insurance.

If you have any questions or require assistance on your financing, you can:



Call us at:
03-2302 8118



Visit us at:
<http://www.rhbgroup.com>



E-mail us at
customer.service@rhbgroun.com



Scan the QR code
above

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PD) ini memberi anda maklumat penting mengenai Sewa Beli Perindustrian-i-i.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**



RHB ISLAMIC BANK BERHAD

200501003283(680329-V) Diperbadankan di Malaysia

Date :

1 Apakah Sewa Beli Perindustrian-i?

Sewa Beli Perindustrian-i ("Kemudahan") ialah produk pembiayaan yang melibatkan penyewaan peralatan/aset oleh Penyewa (anda) daripada Pemilik (Bank) yang akan dibeli oleh Penyewa pada tamat tempoh kontrak.

Konsep Syariah yang digunakan oleh Kemudahan adalah:

Ijarah	Juga dikenali sebagai pajakan/penyewaan. Anda akan menyewa peralatan/aset daripada Bank pada ansuran bulanan yang dipersetujui dalam tempoh tertentu ("Tempoh Sewa").
Wakalah	Bank akan melantik anda sebagai ejen Bank untuk tujuan penyelenggaraan peralatan/ aset semasa Tempoh Sewa.
Bai'	Setelah selesai keseluruhan bayaran sewa/penyelesaian awal, Kontrak Jualan akan dilaksanakan untuk memindahkan pemilikan peralatan /aset daripada Bank kepada anda
Wa'd	Janji unilateral yang merujuk kepada pernyataan komitmen yang diberikan oleh satu pihak kepada pihak lain untuk melaksanakan tindakan tertentu pada masa hadapan.

2 Fahami Kewajipan Anda?

Bagi pembiayaan ini:

- Jumlah pembiayaan
 - Tempoh
 - Margin Pembiayaan
 - Sewa/Ansuran
 - Kadar Keuntungan
 - Pengiraan Kadar Sewa
 - Cagaran/Jaminan
 - Penjamin
 - Pemilikan Peralatan/Aset
- (Berdasarkan Surat Tawaran anda)
 - Diantara 18 sehingga 60 bulan
 - Sehingga 95.00% daripada kos (selepas menolak deposit / bayaran muka dari pelanggan kepada pembekal) atau nilai pasaran saksama yang mana lebih rendah.
 - (Berdasarkan Surat Tawaran anda)
 - Kadar keuntungan yang dikenakan kepada pelanggan adalah kadar rata sepanjang tempoh pembiayaan.
 - Jumlah Sewa = Amaun Dibiayai + (Amaun Dibiayai X Kadar Keuntungan X Tempoh)
 - Aset yang dibiayai oleh pihak Bank.
 - Korporat/bersama dan beberapa jaminan daripada pengarah/pemegang saham syarikat anda.
 - Lain-lain bentuk asset/jaminan yang diterima oleh pihak Bank.
 - Penjamin anda seeloknya mestilah pengarah/kumpulan pengurusan syarikat atau pembuat keputusan utama (mengikut budi bicara Bank).
 - Anda akan memiliki peralatan/aset tersebut apabila tamat tempoh sewaan melalui pembelian peralatan/aset seperti di dalam terma dan syarat yang terkandung dalam Perjanjian IHP-i.

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

- Duti Setem (Dokumen Standard¹ & Dokumen Tambahan²)
- Wang Cagaran
- Deposit Dibayar kepada Pembekal
- Sewa Prabayar
- Berdasarkan Akta Duti Setem 1949 (Pindaan 1989) (Akta 378). Perjanjian IHP-i keatas pembiayaan sendiri akan dicop ad valorem.
- Jika berkenaan, Bank akan meminta anda untuk membayar wang cagaran yang jumlahnya akan disimpan oleh Bank sebagai cagaran tunai untuk jaminan pematuhan dan pelaksanaan Kemudahan ini.
- Jumlah yang perlu dibayar oleh pelanggan kepada pembekal sebagai wang pendahuluan dan terdiri daripada jumlah yang tidak dibiayai oleh Bank.
- Anda akan membayar Sewa Prabayar yang jumlahnya dianggap sebagai bayaran sewa pendahuluan dan ianya disimpan oleh Bank sebagai jaminan selanjutnya untuk pematuhan yang sewajarnya dari segi terma dan syarat Kemudahan ini.

Bagi mengelakkan keraguan, anda hendaklah menanggung semua fi profesional, cukai (termasuk Cukai Perkhidmatan (ST)) dan/atau apa-apa cukai berkenaan yang mungkin akan dikenakan oleh pihak berkuasa pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa sepanjang kelangsungan produk ini) dan perbelanjaan luar jangka yang ditanggung dan apa-apa fi lain, perbelanjaan atau tindakan sewajarnya berkenaan dengan produk ini.

Note:

- (i) Sila berurusan dengan Pengurus Perhubungan anda untuk mendapatkan Caj dan Tarif Standard Bank untuk produk dan perkhidmatan Pembiayaan Perdagangan Islamik atau lawati laman web RHB Group di <http://www.rhbgroup.com>.
- (ii) Untuk Pelanggan SME: Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada fi dan caj yang berkaitan dengan pembiayaan anda, pihak Bank akan memberikan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh perubahan berkuatkuasa.
- (iii) ¹: Dokumen Standard merujuk kepada: Perjanjian Sewa Beli Perindustrian-i, Jaminan Peribadi, Jaminan Bersama & Beberapa, Perjanjian Korporat dan Perjanjian Novasi.
- (iv) ²: Dokumen Tambahan merujuk kepada: Perjanjian Pembelian Balik, Penyerahan Perjanjian Pembelian, Arahan Tetap, Surat Penetapan, Perjanjian Tambahan, Perjanjian Perubahan, Surat Ikatan Penyerahan, Subordinasi Pinjaman/ Pembiayaan Pengarah, Jaminan Peribadi, Bersama & Beberapa Jaminan, dan Jaminan Korporat untuk kemudahan dengan LC-i.

Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk:



Baca dan fahami terma-terma utama didalam kontrak sebelum anda menandatangani



Pastikan pembayaran anda dibuat tepat pada masanya apabila matang. Hubungi kami jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan anda lebih awal.



Hubungi kami dengan segera, jika anda menghadapi kesukaran untuk membayar jumlah pembiayaan yang perlu dibayar.

3

Fahami Risiko Anda

Apa yang berlaku jika anda gagal memenuhi kewajipan anda?

- Bank mempunyai hak untuk mengenakan pampasan (ta'widh) seperti berikut:
 - (i) Jika jumlah tertunggak masih belum dijelaskan selepas tempoh matang, Bank boleh mengenakan kadar yang tidak melebihi kadar semasa Pasaran Kewangan Antara Bank Islam (IIMM) Bank Negara Malaysia (BNM) ke atas jumlah baki tertunggak kemudahan tersebut, yang dikira berdasarkan asas baki harian atau mana-mana kaedah lain yang diluluskan oleh BNM.
 - (ii) Jumlah pampasan (ta'widh) tersebut tidak akan dikompaun dan perlu dibayar sebelum dan selepas sebarang penghakiman mahkamah.
- Hak untuk Tolak Selesai: Bank berhak untuk menolak selesai jumlah yang tertunggak dalam akaun pembiayaan ini dengan mana-mana akaun deposit anda yang disenggarakan dengan Bank, dengan memberikan *notis bertulis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar kepada anda. *Nota: *Untuk pelanggan SME*

Apakah risiko-risiko utama yang dihadapi dalam produk ini?

- Jika anda gagal untuk menjelaskan kemudahan yang matang, anda tidak akan dibenarkan untuk terus menggunakan kemudahan dan proses pemungutan semula termasuk tindakan undang-undang boleh diambil terhadap anda untuk mendapatkan kembali amaun yang harus dibayar. Jika anda mempunyai masalah memenuhi obligasi pembiayaan anda, Hubungi kami dengan segera untuk membincangkan alternatif pembayaran.
- Tindakan undang-undang akan diambil jika anda gagal untuk bertindak balas terhadap notis peringatan. Anda akan menanggung semua kos dan bertanggungjawab untuk menyelesaikan apa-apa kekurangan selepas tindakan undang-undang telah diambil terhadap anda.
- Tindakan undang-undang terhadap anda boleh menjejaskan penarafan kredit anda, yang membawa kepada kredit yang lebih sukar atau mahal untuk anda.

4

Ringkasan Terma dan Syarat

Bagaimana jika saya menyelesaikan baki pembiayaan sepenuhnya sebelum tarikh matang?

- Rebat (Ibra') = * Baki Keuntungan belum diperolehi - Caj Penyelesaian Awal (jika ada).
*Baki Keuntungan belum diperolehi adalah sama dengan keuntungan belum direalisasikan pada masa penyelesaian penuh.
Bank hendaklah memberikan rebat (ibra') atas jumlah yang dibayar oleh Pelanggan berkenaan dengan apa-apa bayaran yang perlu dibayar di bawah Kemudahan ini dalam mana-mana keadaan penyelesaian awal atau penebusan awal; penyusunan semula pembiayaan; Keingkararan Pembayaran; penamatan atau pembatalan Kemudahan sebelum tamat tempoh. Jika Kemudahan ini adalah berdasarkan kadar boleh ubah, iaitu Kadar Keuntungan Efektif lebih rendah daripada Kadar Keuntungan Siling.

Adakah saya/kami perlu melanggan perlindungan Takaful?

- Ya. Anda hendaklah mengekalkan Takaful dengan syarikat takaful yang diterima oleh pihak Bank bagi melindungi aset dan perniagaan anda daripada semua risiko.
- Anda mestilah menyediakan satu salinan polisi takaful yang telah diperbaharui dengan klausa pengembalian semula kepada Bank tidak kurang daripada empat belas (14) hari kalendar sebelum tarikh tamat tempoh polisi takaful berkenaan dimana pada tahun kedua dan tahun berikutnya peralatan/aset tersebut masih di bawah sewa beli.

Nota:

- Dalam mengambil perlindungan takaful di atas, Bank dengan ini menasihati anda tentang perkara berikut:
 - a) Anda dinasihatkan untuk mendapatkan perlindungan takaful untuk peralatan/aset di atas.
 - b) Anda boleh mendapatkan insurans konvensional untuk melindungi peralatan/aset dalam keadaan berikut:
 - i. Tiada perlindungan takaful yang ditawarkan atau tersedia untuk peralatan/aset
 - ii. Permohonan untuk perlindungan takaful ditolak oleh semua pengendali takaful atau
 - iii. Kos perlindungan insurans jauh lebih kompetitif berbanding dengan kos perlindungan takaful.
- Nasihat di atas adalah penting untuk memastikan produk ini patuh Syariah secara keseluruhannya. Bank tidak akan bertanggungjawab atau dihalang daripada menuntun apa-apa jumlah tertunggak di bawah Kemudahan.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai pembiayaan anda, anda boleh:



Hubungi kami
03-2302 8118



Layari laman web:
<http://www.rhbgroup.com>



E-mail kami di:
customer.service@rhbggroup.com



Imbas Kod QR